

Ivory tawar 44.899 juta saham

IVORY Properties Group Bhd, pemaju hartanah berpangkalan di Pulau Pinang, melaksanakan tawaran awam permulaan (IPO) bag 44.899 juta saham biasa baru pada harga RM1 sesaham sempena penyenaraian-nya di Papan Utama Bursa Malaysia 21 Julai ini.

Daripada jumlah itu, 9.3 juta saham adalah bagi langganan awam; satu juta diperuntukkan kepada pengarah, kakitangan dan sekutu perniagaan Ivory Properties yang layak; 34.029 juta penem-

patan persendirian dikhususkan kepada pelabur terpilih; dan baki 570,000 diperuntukkan kepada pelabur Bumiputera diluluskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Pengerusi dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Low Eng Hock, berkata berdasarkan harga tawaran RM1 seunit berbanding nilai par 50 sen sesaham, Ivory Properties dijangka menjana RM44.9 juta daripada IPO berkenaan.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, RM10 juta akan

digunakan untuk membayar balik pinjaman bank, RM31.5 juta bagi modal kerja dan baki perbelanjaan penyenaraian.

“Penyenaraian itu akan digunakan untuk meningkatkan lagi keupayaan Ivory dan anak syarikatnya menyelesaikan projek pembangunan hartanah serta mengukuhkan kedudukan kewangannya bagi menjayakan projek yang lebih besar, di dalam dan di luar negara,” katanya dalam satu kenyataan semalam.